

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Isnin, 25 November 2024

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN SEPTEMBER 2024

**Indeks Pelopor mencatatkan 1.8 peratus pada September 2024,
menjangkan ekonomi akan terus bertumbuh dalam tempoh terdekat**

PUTRAJAYA, 25 NOVEMBER 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak & Susulan bagi September 2024**. Indeks Pelopor (IP) memberi petunjuk awal tentang titik perubahan yang ketara dalam kitaran perniagaan dan arah tuju ekonomi bagi tempoh terdekat.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, “Pertumbuhan tahunan Indeks Pelopor (IP) Malaysia kekal positif pada September 2024 dengan mencatatkan 1.8 peratus, mencapai 111.5 mata berbanding 109.5 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya (**Paparan I**). Ini merupakan prestasi positif bagi bulan kesepuluh berturut-turut sejak Disember 2023, menunjukkan kesinambungan pertumbuhan ekonomi negara. Indeks Perindustrian Bursa Malaysia merupakan penyumbang utama kepada kenaikan ini iaitu sebanyak 30.4 peratus. Walau bagaimanapun, prestasi bulanan IP menunjukkan penurunan sebanyak 2.6 peratus disebabkan oleh penurunan dalam kebanyakan komponen kecuali Penawaran Wang Benar, M1 dan Indeks Perusahaan Bursa Malaysia, masing-masing menyumbang 0.2 peratus”.

Melihat kepada trend jangka panjang terlicin pada Ogos 2024, IP konsisten melepas 100.0 mata (**Paparan II**), menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia dijangka terus bertumbuh, disokong oleh prestasi ekonomi domestik yang optimis. Namun begitu, cabaran global mungkin menimbulkan potensi risiko kepada trajektori pertumbuhan ini.

Berhubung prestasi ekonomi semasa, Indeks Serentak (IS) turut mengalami peningkatan tahunan sebanyak 1.3 peratus, mencecah 125.6 mata berbanding 124.0 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Prestasi ini disumbangkan oleh hampir kesemua komponen kecuali Gaji & Upah Benar dalam Pembuatan yang menyusut 0.6 peratus. Walau bagaimanapun, prestasi bulanan IS mengalami penurunan marginal sebanyak 0.7 peratus, disebabkan oleh penurunan empat daripada enam komponen kecuali Jumlah Guna Tenaga dalam Pembuatan (0.1%) dan Gaji & Upah Benar dalam Pembuatan (0.02%) yang menunjukkan sedikit peningkatan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**


25 NOVEMBER 2024

LAMPIRAN I

Paparan I: Indeks Komposit Pelopor



Paparan III: Perubahan Tahunan Bagi Komponen Dalam Indeks Pelopor



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, November 25, 2024

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES SEPTEMBER 2024

The Leading Index recorded 1.8 per cent in September 2024, indicating that the economy will continue to grow in the near term

PUTRAJAYA, NOVEMBER 25, 2024 – Today, the Department of Statistics Malaysia released the **Malaysian Economic Indicators: Leading, Coincident & Lagging Indexes for September 2024**. The Leading Index (LI) provides an early indication of significant turning points in the business cycle and the direction of the economy in the near term.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned, “The annual growth of Malaysia's Leading Index (LI) remained positive in September 2024 by recording 1.8 per cent, reaching 111.5 points as compared to 109.5 points in the same month of the previous year (**Exhibit I**). This marks a positive performance for the tenth consecutive month since December 2023, indicating a continuation of the country's economic growth. The Bursa Malaysia Industrial Index was the main contributor to this increase, rising by 30.4 per cent. However, the monthly performance of the LI declined by 2.6 per cent due to decreases in most components, except for the Real Money Supply, M1 and Bursa Malaysia Industrial Index, accounting for 0.2 per cent respectively”.

*Looking at the smoothed long-term trend in September 2024, the LI consistently exceeded 100.0 points (**Exhibit II**), indicating that the Malaysian economy is expected to continue growing, backed by optimistic domestic economic performance. Nonetheless, global challenges may pose potential risks to this growth trajectory.*

Regarding the current economic performance, the Coincidence Index (CI) also experienced an annual increase of 1.3 per cent, reaching 125.6 points as compared to 124.0 points in the same month of the previous year. This performance was driven by almost all components, except for the Real Salaries and Wages in Manufacturing, which decreased by 0.6 per cent. However, the monthly performance of the CI saw a marginal decline of 0.7 per cent, due to decreases in four out of six components, except the Total Employment in Manufacturing (0.1%) and Real Salaries and Wages in Manufacturing (0.02%) which showed slight increases.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

25 NOVEMBER 2024

APPENDIX I

Exhibit I: Leading Composite Index




Exhibit II: Leading Composite Index (Long Term Trend = 100) and Business Cycle




Exhibit III: Annual Changes of Leading Index Components

